



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

PENJELASAN ISU TULAR: MYKID DIMANSUHKAN

Jabatan Pendaftaran Negara ingin merujuk isu yang sedang tular di aplikasi *WhatsApp* dan media sosial ketika ini mengenai dakwaan 'MyKid dimansuhkan'.

JPN ingin menjelaskan perkara tersebut adalah tidak benar sama sekali. MyKid bukan dimansuhkan tetapi hanya mengalami kelewatan dalam proses pengeluarannya susulan masalah bekalan cip global. JPN sedang sedaya upaya mengatasi masalah ini.

Ibu bapa atau penjaga dinasihatkan untuk menggunakan sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN bagi sebarang urusan. Agensi Kerajaan dan juga swasta juga diingatkan untuk menerima sijil kelahiran sebagai satu dokumen sah untuk sebarang urusan berkaitan.

Sebarang pertanyaan dan kemesyikilan berkaitan perkhidmatan JPN orang ramai boleh merujuk laman web atau media sosial rasmi JPN untuk maklumat yang sahih dan tepat.

TAMAT.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

23 JUN 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my